

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Anuar bin Abd. Manap  
[Sekijang]**

**TARIKH : 14 November 2016 (Isnin)**

**SOALAN : Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah kebenaran laporan yang dikeluarkan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) yang menunjukkan bahawa Malaysia tidak mampu mengeluarkan makanan yang mencukupi dan apakah usaha kementerian bagi memastikan bekalan makanan negara tidak menghadapi apa-apa masalah pada masa hadapan.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Laporan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) iaitu Laporan *The State of Households II*, menyatakan bahawa Malaysia berupaya mengeluarkan produk pertanian seperti daging ayam/itik, telur ayam/itik, daging babi dan perikanan yang mencukupi melalui pengeluaran domestik berbanding import. Malaysia hanya bergantung kepada sumber import bagi beberapa produk pertanian seperti daging lembu/kerbau, daging kambing, produk tenusu dan sayur-sayuran bagi memenuhi permintaan.

Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import komoditi pertanian utama, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedang dan akan melaksanakan strategi-strategi seperti berikut bagi meningkatkan pengeluaran domestik melalui langkah-langkah berikut:

- i) Melaksanakan projek pengeluaran makanan secara berskala besar dan komersial melalui projek-projek pemulaan (*Entry Point Project-EPP*) di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) seperti Projek Taman Pengeluaran Makanan, Penternakan Akuakultur Melalui

- Sangkar Bersepadu dan Memperkukuh Tanaman Padi bagi menjamin bekalan makanan dalam negara;
- ii) Melaksanakan program peningkatan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan Projek Pembangunan Ruminan (PROPER) dan mengoptimumkan penggunaan rizab-rizab haiwan sebagai kawasan pengeluaran ternakan dan pengeluaran makanan ternakan;
  - iii) Pelaksanakan Program Agropreneur Muda dalam usaha untuk menarik minat, mengubah persepsi serta menggalak penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian;
  - iv) Mempergiat pelaksanaan Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Projek Pembangunan Tanah Terbiar, Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan, Projek Pembangunan Tanaman Sayur-Sayuran dan Tanaman Kontan, Projek Pembangunan Industri Tanaman Kelapa serta penambahan kawasan baharu untuk pengeluaran bagi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran serta buah-buahan domestik;
  - v) Meningkatkan penggunaan teknologi dan mekanisasi yang dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kehilangan lepas tuai daripada lebih 30% kepada lebih kurang 15% hasil ladang;

- vi) Melaksanakan pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu; dan
- vii) Melaksanakan pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import jagung bijirin yang tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [PASIR MAS]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 28**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah mengurangkan risiko kemalangan jalan raya setelah rekod daripada World Health Organisation (WHO) pada 2014 meletakkan rekod kadar kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia pada kedudukan ke-34 daripada 172 buah negara.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), didapati bahawa penyumbang utama kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada sikap/kecuaian manusia. Susulan daripada itu, Kementerian ini melalui MIROS dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta pihak swasta dan badan bukan Kerajaan yang berkaitan. Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan lima (5) Tonggak Strategik yang merangkumi program-program dan langkah-langkah intervensi yang dirancang untuk menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Antara lima (5) Tonggak Strategik tersebut adalah seperti yang berikut:

Tonggak Strategik 1 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;

Tonggak Strategik 2 - Mobiliti dan Jalan Raya Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 3 - Kenderaan Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 4 - Pengguna Jalan Raya Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 5 - Pengurusan Pasca Kemalangan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambahbaik dari semasa ke semasa dengan mengambilkira maklumbalas daripada *stakeholders*

berkaitan dan pendekatan yang digunapakai di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah elemen penguatkuasaan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System (AwAS)* sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught (POBC)* ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit akan dilaksanakan semula dalam masa yang terdekat setelah aspek perundangan dan pelaksanaan didapati teratur.

Dari aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community-based* dan pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Selain itu, Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) telah digubal semula berasaskan *learning outcome based* di mana penekanan akan diberikan terhadap aspek kognitif (*cognitive*), kemahiran (*psychomotor*) dan sikap (*affective*).